

12 JUL 2001

AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA KE-189

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Yang Di-pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghadiri mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-189 di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jurucakap Istana Negara berkata mesyuarat itu dipengerusikan oleh Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Kesemua Sultan hadir kecuali Sultan Kedah dan Sultan Perak yang masing-masing diwakili Raja Muda, Sultan Johor yang diwakili oleh Tengku Mahkota dan Sultan Pahang oleh Tengku Muda.

Selangor diwakili oleh Pemangku Raja Selangor.

Mesyuarat itu juga dihadiri semua Yang Dipertua Negeri.

Sultan atau wakil baginda serta Yang Dipertua Negeri itu diiringi oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing kecuali bagi Sabah yang diwakili Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin.

-- BERNAMA

AKT ZS NMO